

Newspaper : The China Press
 Date : 23rd March 2014
 Title : Pernantian 16 Tahun Berakhir
 Section : News Page :



Penantian 16 tahun berakhir

Pemilik pangsupuri gembira The Main Place Residence akhirnya boleh didiami, CF juga telah diperolehi



Kedaaan pangsupuri The Main Place Residence ketika masih terbengkalai pembinaannya.



The Main Place Residence yang akhirnya siap setelah 16 tahun pembeli unitnya menunggu.



Pemilik unit di The Main Place Residence gembira menunjukkan CF yang diterima.

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

SUBANG JAYA – “Rasa macam mimpi rumah dibeli 16 tahun lalu dah siap sepenuhnya,” demikian luah Musri Tukimin @Musa, 47, pembeli hartanah The Main Place Residence, USJ 21, projek yang terbengkalai sejak tahun 1999.

Musri berkata, kediaman itu adalah yang pertama dibeli ketika berusia 32 tahun.

Penantian selama belasan tahun lalu berakhir apabila projek berkenaan di-

siapkan pemaju penyelamat, Sumbangan Legenda Sdn Bhd (SLSB), anak syarikat Bina Puri Holdings Bhd.

Katanya, dia dan isteri yang menetap di Puchong terpaksa memendam perasaan bertahun-tahun lamanya setiap kali melintasi rumah mereka ketika berulang alik ke tempat kerja di Subang Jaya.

“Masa tu sedih tengok rumah yang dibeli pada harga RM140,000 belum siap. Tapi hari ini rasa macam tak percaya dah dapat Sijil Layak

Menduduki (CF),” katanya.

Seorang lagi pembeli, Steven Alfonso, 42, turut berkongsi kegembiraan sama apabila mendapat tahu projek pembinaan pusat perniagaan dan pangsupuri perkhidmatan tersebut boleh diduduki bilamana masa sahaja selepas CF diserahkan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

“Saya beli sebagai pelaburan, mungkin akan disewakan,” katanya selepas Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid menyerahkan CF

kepada Pengarah Urusan SLSB, Ir Jason Yam Huang Meng, semalam.

Abdullah berkata, projek pembangunan 34 tingkat mengandungi 1,211 unit pangsupuri perkhidmatan dan pusat perniagaan berkenaan mendapat kelulusan pada 24 Disember 1999 dan kerja di tapak dimulakan pada 2000.

Kerja pembinaan terhenti pada tahun 2001 hingga tahun 2006 kerana masalah perurusan kewangan selain ke-melewatan ekonomi.

Projek tersebut kemudian diambil alih pemaju lain, namun terbengkalai semula antara tahun 2007 hingga 2011.

Menurut Abdullah, MPSJ seterusnya mengambil inisia-

tif memanggil pelikuidansi bertanggungjawab terhadap projek dan mencari jalan supaya ia boleh diteruskan semula.

“Tender dibuka pada 2009, setahun kemudian SLSB dilantik menjadi pemaju penyelamat baru. Ia siap sepenuhnya pada 18 Mac dengan 1,096 unit sudah terjual,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Bina Puri Holdings Bhd, Tan Sri Ir Wong Foon Meng berkata, bukan mudah meneruskan projek yang pernah dilanda pelbagai masalah serta sering bertukar pemaju.

Pelbagai aspek harus dikaji termasuk keutuhan struktur binaan bagi memastikan ke-selesaian pembeli.

“Ada beberapa ciri bangun-



MUSRI

an yang dinaik taraf termasuk sistem lif, kolam renang dan kemas bagi setiap unit supaya lebih cantik dan menarik.

“Pusat beli-belah di tingkat bawah akan mula beroperasi Selasa ini dan dibuka sepenuhnya Mei nanti,” katanya.